



# HADIS 40

## OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Memahami konsep Hadis 40:** Peserta akan memperoleh pemahaman mengenai Hadis 40 termasuk sejarah penyusunan, latar belakang pengarangnya serta peranan Hadis 40 dalam tradisi hadis Islam.
- b) **Mengenali hadis-hadis utama dalam agama Islam:** Peserta akan mengenali dan mempelajari teks-teks Hadis 40 yang paling terkenal, memahami konteks dan makna setiap hadis serta aplikasinya dalam kehidupan sehari-hari.
- c) **Menghayati pengajaran Hadis 40:** Peserta akan mengkaji dan memahami pengajaran moral, etika dan hukum yang terkandung dalam Hadis 40 serta implikasinya terhadap amalan hidup.
- d) **Mengaplikasikan hadis dalam kehidupan:** Peserta akan mempelajari cara-cara untuk mengaplikasikan pengajaran Hadis 40 dalam kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat serta mengintegrasikan nilai-nilai hadis dalam tindakan sehari-hari.
- e) **Menilai kepentingan Hadis 40 dalam agama Islam:** Peserta akan menilai kepentingan Hadis 40 dalam memahami syariat Islam secara menyeluruh serta peranannya dalam memperkuat iman dan amalan dalam masyarakat Muslim.

# HADIS KE-34: MENGUBAH KEMUNGKARAN

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:

Daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a., katanya, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا، فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ. فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ، فَلِسَانِهِ. فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ، فَبِقَلْبِهِ. وَذَلِكَ أَصْعَفُ الْإِيمَانِ.

'Sesiapa dalam kalangan kamu melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Sekiranya dia tidak mampu, maka dengan lidah. Sekiranya dia tidak mampu, maka dengan hati. Demikian itu adalah selemah-lemah iman."

رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

Antara pelajaran yang boleh kita dapati daripada hadis ini ialah:

1. Hadis ini mendidik masyarakat agar mengubati setiap kesalahan dan kepincangan yang berlaku. Setiap kerosakan dalam masyarakat perlu ditangani agar tidak merosakkan sistem kehidupan dan menghilangkan ketenteraman dalam hidup.
2. Menangani kemungkaran dengan tangan bermaksud menggunakan kekuasaan atau kekuatan untuk menghentikan sesuatu kemungkaran yang sedang berlaku. Contohnya, bapa perlu memastikan anaknya menutup aurat dengan sempurna.
3. Menangani kemungkaran dengan perkataan, iaitu dengan cara menegur, menasihati atau melaporkan kemungkaran sama ada secara lisan atau tulisan. Contohnya, seseorang boleh menasihati rakannya agar tidak membazir waktu.
4. Menangani kemungkaran dengan hati bermaksud membenci dan menjauhi kemungkaran tersebut dan berazam untuk tidak melakukannya serta berdoa agar pelakunya diberi hidayah dan petunjuk untuk bertaubat.
5. Islam meraikan perbezaan kemampuan manusia, justeru setiap individu perlu memainkan peranannya mengikut kemampuan yang ada. Jangan sesekali kemungkaran yang berlaku membuatkan kita tidak mengambil peduli sehingga ia dianggap bukan satu kesalahan dan dosa.
6. Hadis ini secara jelas menegaskan bahawa perbuatan melarang atau mengubah kemungkaran itu mempunyai hubung kait dengan iman seseorang.

# SENARAI RUJUKAN PENTING

1. Al-Arba'un al-Nawawiyyah cetakan Dar al-Minhaj.
2. Al-Kafi dan Tatmim al-Kafi: Syarah Hadis 40: Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri.
3. Syarah Hadis 40 Al-Nawawiyyah: Zulhimi Mohamed Nor, Mohd Yusuf Ismail, Amiruddin Mohd Sobali dan Ahmad Sanusi Azmi.
4. Syarah Hadis 40 Imam Ibnu al-Aththar: Terjemahan dan Huraian Dr. Mohd Solleh bin Ab. Razak.
5. 40 Hadis Imam Nawawi: Sebuah Huraian untuk Dunia Semasa: Ali Jum'ah: Terjemahan Lajnah Penterjemahan APT.
6. Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi: Kementerian Pendidikan Malaysia.
7. Al-Wafi fi Syarh al-Arba'in Al-Nawawiyyah: Dr. Mustafa al-Bugha.
8. Jami' al-'Ulum wa al-Hikam: Ibn Rajab al-Hanbali.